

## Refleksi al-quran

Oleh **ABDULLAH BUKHARI ABDUL RAHIM AL-HAFIZ**

Pensyarah di Jabatan Tilawah al-Quran, Pusat Bahasa, UIAM dan Timbalan Presiden Murshid.



### ■ PERANG BADAR SIRI 1

“**Y**A Allah! Musnahkanlah antara kami (Abu Jahal atau Muhammad SAW) pasukan paling jahat memutuskan hubungan keluarga dan membawa sesuatu (ajaran) yang tidak diketahui (kebenarannya)” (Sirah Ibn Hisyam).

Angkuh sekali doa Abu Jahal di hadapan Kaabah sebelum berangkat ke medan perang Badar pada tahun kedua Hijrah. Yakin sungguh dengan dirinya dalam perang itu. Rupanya ini antara sebab awal mengapa mereka kalah teruk dalam perang walaupun secara angka tenteranya sangat berat sebelah.

Ini adalah maksud firman Allah ertinya: “Jika kamu (hai orang musyrik) memohon supaya diberi kemenangan (bagi pihak yang benar) maka sesungguhnya kemenangan (kamu pohonkan) itu telah datang (dan disaksikan oleh) kamu; dan jika kamu berhenti (daripada memusuhi Nabi Muhammad) maka demikian itu amat baik bagi kamu, dan jika kamu kembali (memusuhinya), Kami juga kembali (menolongnya mengalahkan kamu); dan golongan (angkatan perang) kamu tidak sekali-kali akan dapat menyelamatkan kamu sedikitpun, sekalipun dia lebih ramai; dan (demikian itu adalah kerana) sesungguhnya Allah beserta orang beriman.” (al-Anfal: 19)

Perang Badar sebenarnya adalah perang yang tidak dirancang atau dijangka Rasulullah. Zaman itu zaman perang. Setiap pihak sentiasa mengintai peluang untuk menggempur pihak lawan.

Selepas hijrah, Rasulullah selalu menghantar pasukan tentera kecil memantau dan mengintip kafilah (rombongan) dagang Musyrikin Quraisy). Intipan ini tidak lain bagi menimbulkan kegerunan pihak musuh dengan kekuatan umat Islam dan mencari peluang untuk menggempur kepentingan ekonomi mereka.

Melemahkan sumber ekonomi musuh adalah antara strategi berkesan untuk menang dalam peperangan.

ILUSTRASI perang umat Islam. - GAMBAR HIASAN



# Doa si kafir makbul?

## PERANG BADAR

### Kekuatan umat Islam

- 313 tentera
- Bilangan kuda: Dua ekor milik al-Zubayr bin al-Awwam dan al-Miqdad bin al-Aswad
- Bilangan unta: 70 ekor yang ditanggung secara bergantiganti oleh tentera Muslimin
- Panji putih pasukan Muslimin dipegang oleh Mus'ab bin 'Umayr
- Bendera Muhajirin dipegang Ali bin Abi Talib
- Bendera Ansar dipegang oleh Sa'ad bin Mu'adh

### Kekuatan kafir

- 950 tentera
- Bilangan kuda: 100 ekor
- Bilangan unta: 700 ekor yang ditanggung secara bergilir

## TIDAK DIRANCANG

Kisah perang Badar bermula apabila Rasulullah menghantar dua sahabat iaitu Talhah bin Ubaydillah dan Sa'id bin Zayd ke al-Hawra' berhampiran Laut Merah. Tempat ini adalah lokasi persinggahan wajib bagi kafilah yang berdagang antara Tanah Hijaz dan Syam.

Hasilnya, mereka membawa berita tentang kedatangan kafilah dagang orang Mekah yang membawa barang dagangan sangat besar iaitu dengan anggaran 1,000 ekor unta. Kafilah diketuai Abu Sufyan bin Harb ini hanya diiringi sejumlah 40 orang.

Mendengar situasi ini, Rasulullah keluar bersama sahabatnya tanpa mewajibkan mereka ikut serta dengan bersabda ertinya: “Ini adalah kafilah Quraisy, maka marilah kita keluar menggempurnya, mudah-mudahan Allah akan menjadikannya sebagai

rampasan perang buat kita.” (Sirah Ibn Hisyam).

Oleh kerana tujuan asal keberangkatan Rasulullah adalah untuk menggempur kafilah Abu Sufyan dan bukannya bertempur dengan tentera Mekah, kelengkapan mereka sangat minimum dan jumlah para sahabat juga sangat kecil iaitu seramai 313 orang.

Mereka bertolak pada malam ketiga atau malam kelapan Ramadan tahun kedua Hijrah. Dalam kalangan pejuang Badar, Muslim Ansar berjumlah sekitar 240 orang dan selebihnya terdiri daripada para sahabat Nabi iaitu dalam kalangan Muhajirin Mekah.

Antara yang tidak ikut serta adalah Saidina Uthman bin 'Affan r.a. kerana isterinya, Ruqayyah yang juga anak Rasulullah sedang sakit. Rasulullah juga meninggalkan Abdullah bin Ummu Maktum sebagai imam solat di Madinah.

## MINTA BANTUAN

Abu Sufyan pun bukan calang-calang pemimpin. Dia sentiasa bersiap siaga bagi menjaga keselamatan barang dagangannya. Setelah mendapat tahu pasukan Rasulullah mahu menggempur mereka, dia menghantar wakil, Dhamdham bin 'Amru al-Ghifari meminta bantuan orang Mekah.

Setelah mendengar laungan meminta bantuan daripada Abu Sufyan, Abu Jahal segera mengerahkan penduduk Mekah agar segera berangkat bagi menyelamatkan barang dagangan mereka.

Di hadapan tentera Mekah ada sekumpulan penyanyi yang melagukan lagu perang bagi membangkitkan semangat juang mereka.

Setelah menyedari kemaraan pasukan Rasulullah, Abu Sufyan mengarahkan kafilah dagangannya keluar dari laluan biasa dan akhirnya mereka selamat sampai ke Mekah.

Abu Sufyan kemudiannya menghantar utusan kepada tentera Mekah pimpinan Abu Jahal yang sudah berangkat ke Badar agar kembali kerana harta dagangan mereka sudah selamat.

Permintaan Abu Sufyan ditolak dengan angkuh oleh Abu Jahal yang berkata ertinya: “Demi Allah! Kami tidak akan pulang melainkan setelah sampai ke Badar (pada masa itu Badar terkenal sebagai tempat tumpuan orang Arab).

Ia pasar tempat mereka berkumpul setiap tahun). Kita akan tinggal di situ selama tiga hari, menyembelih unta, bergembira dengan makanan, meminum arak, para penyanyi menyanyikan lagu (kemenangan) untuk kami, juga supaya cerita perjalanan, berkumpul dan kemenangan kita ini diketahui oleh semua orang Arab. Lalu mereka akan senantiasa memandang kita hebat selepas ini.

Ayuh! (Jangan undur) teruskan perjalanan kita.” (Sirah Ibn Hisyam).

Rupanya keangkuhan Abu Jahal ini menjadi sebab Islam semakin kuat dan dipandang hebat oleh orang Arab.

Ikuti sambungan kisah ini dalam siri berikutnya.

● Rujukan: Sirah Ibn Ishaq, Sirah Ibn Hisyam, Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, al-Rahiq al-Makhtum, al-Sirah al-Nabawiyah Li al-Nadawi, al-Sirah al-Nabawiyah Fi Daw' al-Quran Wa al-Sunnah Li Muhammad Abu Syahbah, Fiqh al-Sirah Syekh Muhammad al-Ghazali.

■ SEPANJANG Ramadan, ruangan *Refleksi al-Quran* bakal menumpukan perbincangan tentang kisah perang Rasulullah dalam bulan Ramadan.

## فقه رمضان

## Fadilat puasa

SABDA Rasulullah ertinya: “Setiap amalan anak cucu Adam adalah untuk dirinya sendiri, dengan satu kebaikan dilipatgandakan pahalanya sebanyak 10 hingga 700 kali ganda. Allah berfirman; ‘Kecuali puasa, kerana sesungguhnya puasa adalah untuk-Ku dan Akulah yang (layak) memberi balasan kepadanya. Sesungguhnya hamba-Ku ini telah meninggalkan syahwat, makan dan minumannya kerana-Ku.’ Terdapat dua kegembiraan bagi orang yang berpuasa; kegembiraan ketika terbuka dan kegembiraan ketika menemui Tuhannya. Sesungguhnya bau mulut orang yang berpuasa itu lebih wangi di sisi Allah daripada haruman kasturi.” - Riwayat Bukhari dan Muslim

### HURAIAN:

● Puasa dikecualikan daripada amalan-amalan yang dilipatgandakan pahalanya. Semua amalan akan dilipatgandakan pahalanya dari 10 hingga 700 kali ganda kecuali puasa kerana sesungguhnya gandaannya tidak terbatas hanya pada had ini.

● Allah akan menggandakannya dengan gandaan yang sangat banyak serta tidak terbatas pada jumlah tertentu.

● Sesungguhnya puasa itu sebahagian daripada kesabaran. Allah berfirman maksudnya: “Sesungguhnya orang bersabar akan disempurnakan pahala mereka dengan tidak terkira.” (Zumar: 10)

● Oleh itu, ada sebuah hadis yang diriwayatkan bahawa Baginda menamakan Ramadan sebagai bulan kesabaran sebagaimana sabdanya: “Puasa itu adalah separuh sabar.” - Riwayat Tirmizi.

● Sabar mempunyai tiga kategori:

- 1- Sabar dalam mentaati Allah
- 2- Sabar menjauhi larangan-Nya
- 3- Sabar menghadapi ketetapan ujian daripada Allah

■ Sumber buku: Ensiklopedia Amalan Setahun